

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HAJI MOHD. ALI
DI MAJLIS PELANCARAN KEMPEN ANTI-DADAH
KUMPULAN NESTLE, DI FOOD SPECIALITIES (II)
SDN. BHD. , JALAN PELAYA 15/1
SHAH ALAM, SELANGOR
PADA HARI SABTU, 7HB. FEBRUARI, 1987
JAM 10.00 PAGI

Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Selamat pagi dan salam sejahtera.

Saya merasa gembira kerana dapat bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan pada pagi ini dalam majlis Pelancaran Kempen Anti-Dadah oleh Kumpulan NESTLE.

2. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur kempen ini yang telah sudi menjemput saya untuk merasmikan majlis pelancaran ini.

3. Langkah pihak NESTLE menganjurkan kempen anti-dadah untuk pekerjaanya adalah satu usaha yang terpuji. Kempen seperti ini akan menimbulkan kesedaran dan ingatan kepada semua pekerja kumpulan NESTLE bahawa ancaman dadah masih merupakan musuh utama negara yang harus kita tentang habis-habisan.

...Para/-

Para hadirin sekalian,

4. Selama ini kita mengenali syarikat NESTLE sebagai sebuah syarikat yang mengeluarkan barang-barang makanan bermutu dan amat aktif dalam projek-projek sukan di Malaysia. Saya juga telah memerhatikan bahawa syarikat ini banyak sekali membantu projek-projek kebajikan untuk faedah masyarakat. Usaha-usaha tersebut sesungguhnya telah meningkatkan nama baik syarikat ini dan saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah.

Saudara dan saudari,

5. Saya juga telah difahamkan bahawa tidak terdapat seorang pun penagih dadah di

...kalangan/-

kalangan pekerja NESTLE yang berjumlah lebih daripada 2,000 orang. Syabas dan tahniah kepada saudara-saudari. Ini adalah satu tanda yang baik dan menunjukkan bahawa pekerja-pekerja NESTLE adalah terdiri daripada mereka yang berdisiplin, bertanggungjawab dan menjadi rakyat yang baik. Saya percaya kejayaan saudara-saudari dalam menjauhkan diri dari dadah ini telah dicapai atas kesedaran tentang bahaya dan bencana yang boleh disebabkan oleh dadah. Saudara-saudari telah membuktikan bahawa kita boleh menjauhkan diri daripada dadah dengan menjalankan kegiatan-kegiatan yang berfaedah seperti sukan dan kerja-kerja kebajikan untuk faedah masyarakat. Kejayaan saudara-saudari menjauhkan diri daripada dadah menjadi satu contoh yang baik kepada golongan muda mudi.

...Kempen/-

6. Kempen anti-dadah Kumpulan NESTLE ini akan berjalan selama sebulan dan pihak penganjur telah mengaturkan beberapa program, termasuk ceramah. Saya berharap saudara-saudari akan mengikuti ceramah-ceramah ini dengan bersungguh-sungguh. Pengetahuan yang akan saudara-saudari dapati daripada ceramah-ceramah tersebut bukan sahaja berguna untuk diri sendiri tetapi juga kepada keluarga, saudara-mara, sahabat-handai dan rakan kenalan supaya mereka tidak melibatkan diri dengan dadah. Gunakanlah kempen ini sebagai permulaan untuk menguatkan azam kita semua untuk menghapuskan ancaman dadah dari masyarakat kita.

...Di samping/-

7. Di samping itu, saya juga menaruh penuh harapan kepada saudara-saudari yang hadir pada hari ini supaya meneruskan kempen menentang dadah ini walaupun selepas tamat tempoh kempen rasmi kumpulan NESTLE ini. Teruskan secara peribadi dengan memberi kerjasama dalam apa cara jua kepada kerajaan untuk meningkatkan lagi aktiviti-aktiviti mencegah penyalah-gunaan dadah dan membantu mereka yang telah terlibat untuk kembali kepada kehidupan yang bersih. Tanamkanlah semangat yang kukuh dalam diri saudara-saudari untuk melihat negara kita bersih daripada masalah dadah.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

8. Usaha kumpulan NESTLE melancarkan kempen anti-dadah ini kena pada masanya dan

... seharusnya/-

seharusnya dialu-alukan. Saya berharap usaha kumpulan NESTLE ini akan diikuti juga oleh syarikat-syarikat besar dan kecil yang lain. Kalau semua syarikat menjalankan kempen menentang dadah, ini akan membantu kerajaan mencegah penyalah-gunaan dadah dengan lebih berkesan lagi. Apa yang diperlukan ialah penglibatan semua pihak, baik majikan mahupun pekerja, yang sama-sama memikul tanggungjawab untuk memastikan kejayaan kempen, dan usaha-usaha ke arah menghapuskan ancaman dadah. Faedahnya akan dapat dikecapi bersama oleh majikan dan pekerja. Pekerja-pekerja yang lebih sihat akan membawa faedah dan keuntungan kepada Pihak syarikat.

9. Sebagaimana kita semua maklum, kerajaan telah mengistiharkan penyalah-gunaan dadah

...sebagai/-

sebagai musuh utama negara. Dengan itu maka kita semua bertanggungjawab untuk menghapuskan gejala ini dari masyarakat kita. Tentulah para hadirin ingin tahu bagaimana pihak majikan dan pekerja dapat memberi sumbangan atau memainkan peranan yang lebih aktif dalam usaha membantu negara membanteras masalah dadah ini.

10. Bagi pihak pekerja, walaupun tidak sesiapa yang menjadi penagih dadah di dalam Syarikat NESTLE, mereka hendaklah sentiasa berwaspada dan mengesan rakan-rakan yang cuba menggunakan dadah. Kalau seorang pekerja itu diketahui menjadi penagih, maka adalah menjadi tanggungjawab rakan sekerjanya untuk menasihatkannya akan bahaya dadah dan sekira

...ianya/-

ianya tidak berubah juga, maka perkara ini harus diberitahu kepada pihak atasan atau majikan supaya sesuatu tindakan dapat diambil untuk menyelamatkan sipenagih itu.

11. Bagi pihak majikan pula, langkah-langkah yang positif harus diambil untuk menolong pekerja-pekerja yang terlibat. Satu cara yang boleh diberikan ialah dengan menyediakan khidmat profesyenal yang sewajarnya kepada penagih, dan jika perlu, memberi masa yang mencukupi kepada penagih-penagih untuk menghilangkan tabiat ketagihan. Dalam mengambil tindakan ini, majikan perlu dibimbing oleh nasihat pakar-pakar perubatan dan mestilah mengendalikan perkara ini mengikut keadaan kes-kes yang tertentu.

...Selain/-

12. Selain daripada itu pihak majikan boleh juga mengadakan penyeliaan dan khidmat nasihat ditempat kerja bagi mengesan dengan lebih awal pekerja-pekerja yang menjadi penagih.

13. Penagih-penagih dadah di tempat kerja boleh mendatangkan bahaya yang besar kepada dirinya, rakan sekerja, dan juga peralatan jentera. Oleh kerana keletihan dan kepenatan, seorang pekerja kilang, misalnya, mungkin boleh menyebabkan dirinya terancam dan mengancam kesihatan dan keselamatan orang lain. Ianya boleh memberi kesan terhadap mutu kerjanya dan juga pengeluaran atau perkhidmatan barangan yang ia terlibat mengusahakannya. Dengan demikian dia bukan sahaja tidak layak untuk bekerja, bahkan boleh membahayakan dirinya dan orang lain.

...Apakah/-

14. Apakah tindakan yang boleh diambil oleh pihak majikan bagi pemulihan seorang pekerja yang dikenalpasti sebagai penagih dadah? Pada pendapat saya pihak majikan perlu menyediakan rancangan pemulihan yang sesuai untuk pekerja-pekerja yang telah dikenalpasti sebagai penagih dadah. Saya sedar adalah sukar bagi para majikan mengosongkan Jawatan seorang penagih bagi tempoh yang lama sementara penagih tersebut menjalani rawatan. Walaupun masyarakat mengharapkan para majikan berbuat demikian, tetapi dari pandangan majikan pula keadaan ini melibatkan kos yang tinggi. Perkara ini merupakan sebahagian daripada pengorbanan yang terpaksa dihadapi oleh para majikan demi kepentingan negara.

...Para/-

Para hadirin sekalian,

15. Oleh kerana penagihan dadah ialah satu masalah sosial, maka adalah sukar untuk mengatasi masalah ini di tempat kerja semata-mata. Oleh demikian, usaha-usaha yang diambil di tempat kerja hendaklah melengkapi tindakan bagi membantu pihak berkuasa mengatasi masalah ini. Sejauh mana pertolongan tersebut dapat diberikan oleh sebuah syarikat bergantung kepada keupayaan dan polisi syarikat sebagai sebuah syarikat yang bertanggungjawab.

16. Pada hemat saya, mengadakan ceramah mengenai akibat penagihan dadah dari segi fizikal dan mental adalah sesuatu langkah

...dalam/-

dalam program pencegahan yang boleh diambil inisiatif oleh majikan syarikat-syarikat swasta. Mereka juga dapat membantu masyarakat dalam kempen anti-dadah dengan menerbit atau mengeluarkan risalah-risalah yang menghuraikan masalah dadah yang boleh diedarkan kepada orang ramai.

17. Pihak swasta juga boleh memberi bantuan kepada organisasi-organisasi sukarela di dalam program-program anti-dadah mereka, dan menggalakkan pekerja mereka memberi khidmat sukarelawan dengan menjadi ahli persatuan atau pertubuhan sukarela. Satu usaha yang disanjung tinggi oleh masyarakat ialah sumbangan peralatan sukan dan rekreasi kepada kawasan-kawasan sesak dan yang terdedah kepada bahaya dadah.

...Pihak/-

13. Pihak majikan juga boleh membiayai aktiviti-aktiviti memerangi dadah seperti pengeluaran filem-filem dokumentasi berkaitan dengan penggunaan dadah, dan membiayai pengeluaran poster, risalah, buku kecil dan pelekat mengenai penyalah-gunaan dadah untuk penyebaran kepada orang ramai. Dengan penyebaran maklumat-maklumat ini, maka masyarakat akan menyedari bahaya dan ancaman dadah kepada mereka dan negara.

19. Kalau pihak swasta sedia membantu dalam kempen memerangi masalah dadah maka beban yang berat yang selama ini dipikul oleh pihak Kerajaan dapat dipikul bersama oleh pihak swasta. Tentulah jelas bahawa pihak swasta mempunyai peranan yang penting untuk

...bersama-sama/-

bersama-sama membanteras dadah ini dari masyarakat dan negara kita. Kerjasama di antara pihak swasta dan Kerajaan untuk bersama-sama membanteras masalah penagihan dadah adalah sesuai dengan dasar persyarikatan Malaysia. Dengan kerjasama ini saya yakin masalah penagihan dadah akan berkurangan dan dapat dihapuskan di negara kita.

20. Dengan doa semoga kempen anti-dadah kumpulan NESTLE ini akan memberi kesan yang amat tinggi kepada semua dalam Syarikat NESTLE khususnya dan orang ramai amnya, dengan sukacitanya saya melancarkan Kempen Anti-Dadah Kumpulan NESTLE dengan rasminya.

